




STATISTIK BENCANA KUMULATIF MULAI 1 OKTOBER 2025 SEHINGGA 16 OKTOBER 2025



* Data sehingga jam 12.00 tengah hari

PPS: Pusat Pemindahan Sementara



KEDAH

Daerah :	2
Kekerapan :	2
PPS :	2
Keluarga :	98
Mangsa :	363

PERAK

Daerah :	1
Kekerapan :	1
PPS :	4
Keluarga :	68
Mangsa :	210

SELANGOR

Daerah :	3
Kekerapan :	4
PPS :	4
Keluarga :	29
Mangsa :	84

W.P. K. LUMPUR

Daerah :	1
Kekerapan :	1
PPS :	1
Keluarga :	4
Mangsa :	24

PAHANG


Daerah :	1
Kekerapan :	1
PPS :	1
Keluarga :	32
Mangsa :	109

JOHOR

Daerah :	1
Kekerapan :	1
PPS :	1
Keluarga :	46
Mangsa :	159

SARAWAK

Daerah :	2
Kekerapan :	2
PPS :	2
Keluarga :	36
Mangsa :	134





SITUASI TERKINI

- Fasa Peralihan Monsun telah bermula pada 30 September 2025 dan berterusan sehingga November 2025. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya yang telah bermula sejak 10 Mei 2025.
- Semasa fasa Peralihan Monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah. Keadaan ini boleh mengalakkan pembentukan awan ribut petir yang lazimnya membawa kepada kejadian hujan lebat berserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah dan Sarawak. Fenomena cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang, kepala air serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.
- Terdapat kejadian puting beliung atau belalai darat di Teluk Panglima Garang, daerah Kuala Langat, Selangor pada 15 Oktober 2025 yang telah menyebabkan kerosakan kepada beberapa struktur bangunan dan rumah serta berlaku kejadian pokok tumbang dan dahan patah.
- Kejadian puting beliung atau belalai darat ini berpunca daripada pergerakan garis badai yang membawa bersama ribut petir, hujan lebat dan angin kencang. Puting beliung adalah turus putaran udara yang kencang dan berjuntai yang terhasil dari awan kumulonimbus. Punca kejadian puting beliung adalah disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu pembentukan awan kumulonimbus, kelajuan dan ketinggian angin yang berbeza serta ribut petir yang menghasilkan angin kencang.
- Puting beliung yang berlaku di Malaysia hanyalah pada skala yang agak kecil iaitu bersaiz kurang atau sama dengan 50 meter dan berlaku dalam masa yang amat singkat. Ini menyebabkan pembentukannya sukar untuk dikesan oleh radar dan satelit cuaca. Walaupun fenomena ini berskala kecil namun ianya masih boleh mendatangkan kerosakan kepada harta benda dan mengancam nyawa manusia.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 22 OKTOBER 2025)

- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima angin timuran pada awal tempoh ramalan. Pengaruh angin baratan kemudiannya memasuki rantau negara sehingga akhir tempoh ramalan.
- Satu vorteks lemah dijangka terbentuk di barat Lautan Pasifik bergerak menuju Kepulauan Filipina. Kekuatan vorteks ini dijangka semakin meningkat setelah memasuki Laut China Selatan seterusnya bergerak ke timur Hainan, China pada penghujung tempoh ramalan.
- Pada awal tempoh ramalan, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang boleh berlaku di rantau negara terutama pada sebelah petang hingga ke malam.
- Pada pertengahan sehingga akhir tempoh ramalan, pembentukan garis badai yang membawa ribut petir/hujan lebat berserta angin kencang berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia, barat Sabah dan utara Sarawak pada awal pagi. Manakala ribut petir/hujan dijangka berlaku di Semenanjung Malaysia serta timur Sabah & pedalaman Sarawak pada sebelah petang dan malam.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



MAKLUMAT GEMPA BUMI SERANTAU

- Pada jam 8.32 pagi, 15 Oktober 2025, gempa bumi lemah bermagnitud 2.0 telah berlaku di Keningau, Sabah. Pusat gempa bumi tersebut terletak 5.9° Utara dan 116.5° Timur dengan kedalaman 10 km. Gegaran dirasai di Keningau, Sabah dan kawasan sekitarnya.
- Terdapat juga satu kejadian gempa bumi kuat bermagnitud 7.4 telah berlaku di Mindanao, Filipina pada pukul 9.44 pagi, 10 Oktober 2025. Pusat gempa bumi tersebut terletak 7.3° Utara dan 127.0° Timur dengan kedalaman 70 km. Gempa bumi tersebut telah mencetuskan nasihat dan amaran tsunami untuk negara Indonesia dan Filipina. Namun tiada gegaran dirasai di Malaysia dan tiada ancaman tsunami kepada Malaysia.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS STORAN EMPANGAN

- Pada **15 Oktober 2025**, terdapat **dua empangan** yang berada pada paras **waspada** iaitu **Empangan Muda, Kedah (33.47%)** dan **Empangan Ahning, Kedah (54.10%)** seperti di **Lampiran 1**.
- Empangan Muda dan Empangan Ahning di Kedah berada di bawah paras normal bermula 5 Ogos 2025.

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada 13 Oktober 2025 telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Ke-20, Bilangan 2 Tahun 2025 yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Jabatan dan wakil Jabatan di peringkat pusat termasuk Agensi-Ageni Teknikal dan Tindak Balas yang terlibat dalam pengurusan bencana serta semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Selain itu, semua Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah (JPBD) Negeri Pahang turut dijemput hadir ke mesyuarat pada kali ini.
- JPBP pada kali ini membincangkan persediaan Kementerian/Jabatan dalam menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang melibatkan lapan (8) pembentangan daripada JPBN Sabah, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), JPBN Pahang dan dua (2) pembentangan kertas makluman daripada NADMA.
- MET Malaysia telah meramalkan bahawa cuaca Negara akan dipengaruhi oleh fenomena La Nina bermula pada bulan November 2025 hingga Mac 2026. Negeri-negeri di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak dijangka akan menerima purata taburan hujan lebih daripada kebiasaan yang boleh menyebabkan berlaku banjir.
- Sehubungan itu, YAB Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan supaya semua JPBN dan JPBD di sebelah pantai timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak untuk sentiasa peka dan menggembleng usaha dalam memastikan pengurusan bencana berada pada tahap optimum.

- YAB Timbalan Perdana Menteri juga antara lain telah memaklumkan keperluan penambahan aset Bailey Bridge bagi kemudahan kawasan yang terputus hubungan akibat kerosakan jalan raya, penyediaan stok makanan yang pelbagai dan inklusif, serta kelulusan pembinaan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) di Jerantut sebagai komitmen Kerajaan dalam memastikan setiap mangsa yang ditimpa bencana mendapat perlindungan dan kemudahan sewajarnya.
- Sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional (BKN) 2025 juga telah diadakan pada 13 Oktober 2025 di Jerantut, Pahang sebagai usaha meningkatkan kesedaran rakyat dan kesiapsiagaan negara menghadapi risiko bencana, khususnya menjelang Monsun Timur Laut.
- Penganjuran BKN oleh NADMA bertujuan memupuk penglibatan menyeluruh seluruh masyarakat dan kerajaan serta menekankan bahawa pengurusan bencana adalah tanggungjawab bersama.
- YAB Timbalan Perdana Menteri telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana (AMMDM) ke-13 dan Persidangan Pihak-Pihak kepada *ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (COP-AADMER)* ke-14 pada 15 Oktober 2025 di Phnom Penh, Cambodia. Mesyuarat-mesyuarat ini melibatkan semua Menteri yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana di ASEAN.
- Bertemakan "*20th Years of AADMER: ASEAN Vision for Global Leadership in Disaster Resilience*", YAB Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat telah menyampaikan Kenyataan Menteri (*Ministerial Statement*). Dalam kenyataannya, beliau menegaskan bahawa usaha kesiapsiagaan bencana hendaklah bersifat holistik, inklusif dan mampan agar tiada sesiapa yang tertinggal atau ketinggalan. Beliau juga turut menekankan tiga tonggak utama daya tahan bencana iaitu inovasi dan teknologi, perkongsian dan perpaduan (*solidarity*) serta inklusiviti dan daya tahan komuniti.
- YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan sumbangan one-off USD100,000 kepada Tabung Pengurusan Bencana dan Bantuan Kecemasan ASEAN (*ADMER Fund*) dalam menzahirkan semangat solidariti Malaysia bersama semua Negara Anggota ASEAN serta tanggungjawab bersama untuk memastikan mekanisme ASEAN diperkasa.



✓ **NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA**

Tips Sewaktu Berlaku Banjir:

Sebelum banjir:

- ✓ Kenal pasti kawasan berisiko banjir di sekitar tempat tinggal.
- ✓ Sediakan beg kecemasan berisi dokumen penting, makanan kering, pakaian, ubat-ubatan dan peralatan kecemasan.
- ✓ Simpan nombor penting dan pasukan penyelamat.
- ✓ Pastikan longkang, parit dan saluran air di sekitar rumah sentiasa bersih.
- ✓ Kenal pasti PPS terdekat.

Semasa banjir:

- ✓ Patuhi arahan berpindah daripada pihak berkuasa.
- ✓ Putuskan bekalan elektrik dan gas jika rumah mula dinaiki air.
- ✓ Elakkan merentas jalan atau sungai yang dinaiki air deras.
- ✓ Gunakan hanya sumber air bersih dan makanan selamat.
- ✓ Sentiasa bersama ahli keluarga dan pastikan kanak-kanak diawasi.
- ✓ Ikuti perkembangan cuaca dan maklumat rasmi daripada pihak berkuasa

Selepas banjir:

- ✓ Pulang ke rumah hanya selepas pengesahan pihak berkuasa bahawa kawasan selamat.
- ✓ Periksa struktur rumah, terutama dinding, lantai, bumbung dan kabel elektrik.
- ✓ Elakkan menggunakan peralatan elektrik yang terkena air sebelum diperiksa.
- ✓ Bersihkan rumah dengan langkah keselamatan dengan menggunakan sarung tangan, kasut getah, pelitup muka.
- ✓ Buang makanan dan ubat yang terdedah kepada air banjir.
- ✓ Dapatkan rawatan segera jika mengalami simptom penyakit bawaan air.

Tips Sewaktu Berlaku Gempa Bumi:

Sebelum berlaku gegaran (persediaan awal):

- ✓ Simpan kit kecemasan (air minuman, lampu suluh, ubat-ubatan, *power bank*, radio bateri).
- ✓ Kenal pasti tempat selamat di rumah, contohnya bawah meja kukuh atau berhampiran tiang rumah.
- ✓ Pastikan barang berat atau mudah jatuh (almari, TV, pasu besar) dipasang atau diletakkan dengan stabil.
- ✓ Rancang dengan ahli keluarga tempat berkumpul jika perlu keluar rumah.

Semasa gegaran:

- ✓ Jangan panik: terus berlindung di bawah meja atau berhampiran struktur kukuh.
- ✓ Jika dalam bangunan: jangan guna lif, keluar ikut tangga kecemasan bila sudah selamat.
- ✓ Jika di luar: jauhi bangunan, tiang elektrik, atau pokok besar.

Selepas gegaran:

- ✓ Periksa keadaan rumah: pastikan tiada keretakan serius atau kebocoran gas.
- ✓ Dengar pengumuman rasmi daripada MET Malaysia, NADMA atau pihak berkuasa sebelum kembali ke dalam rumah.
- ✓ Bersedia untuk gegaran susulan (*aftershock*) yang mungkin kecil tetapi boleh mengejutkan.

Tips Menghadapi Puting Beliung:

- ✓ Jauhkan diri dari kawasan kejadian dan berlindung di bangunan berstruktur kukuh.
- ✓ Sekiranya di dalam rumah, duduk di tingkat bawah dan cari tempat yang paling kukuh binaannya.
- ✓ Jauhkan diri daripada kawasan bercermin seperti tingkap kaca.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



STATUS STORAN EMPANGAN
PADA 15 OKTOBER 2025

